

04 JUN 2003

I

DR MAHATHIR LAWAT PUSAT PENYELIDIKAN BIOTEKNOLOGI

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghabiskan hari kedua lawatan kerjanya ke sini hari ini dengan melawat Institut Riken Yokohoma, satu daripada pusat penyelidikan penting bioteknologi di Jepun.

Beliau akan berada di institut itu kira-kira dua jam. Ditubuhkan pada 1917, Riken pada mulanya diasaskan bagi menjalankan penyelidikan sains asas dan gunaan di dalam pelbagai bidang termasuk fizik, biologi dan sains perubatan.

Institut Riken Yokohoma merangkumi Penyelidikan Sains Genomik, Kilang Sains dan Pusat Penyelidikan SNP serta Pusat Penyelidikan bagi Alergi dan Immunologi.

Awal hari ini, Dr Mahathir diberikan taklimat mengenai Pelan Induk Lembah Bio oleh Dr Kisho Kurokawa di Imperial Hotel. Dr Kurokawa merupakan arkitek bagi kedua-dua projek lembah bio yang dilancarkan di Dengkil bulan lepas serta di Lapangan terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Perdana Menteri kemudian mengadakan perbincangan dengan ketua-ketua eksekutif syarikat farmaseutikal Jepun dan para penyelidik di hotel berkenaan.

Malam ini, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali akan menghadiri majlis jamuan malam meraikan beliau oleh Ryoki Sugita, presiden dan CEO Nihon Keizai Shimbun Inc.

-- BERNAMA

SS HK RON